

Khair Toyo digantung dari semua jawatan parti
Malaysiakini.com
Disember 13, 2010

Bekas menteri besar Selangor, Datuk Seri, Dr Mohd Khair Toyo telah digantung dari semua jawatan parti yang dipegangnya selepas didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas tuduhan rasuah minggu lalu.

NONEsetiausaha agung Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata tindakan tersebut tidak ada hubungannya dengan pertimbangan kepentingan politik BN, tetapi ditetapkan dalam perlembagaan parti.

Akhbar Sinar Harian melaporkan beliau berkata, sesiapa sahaja yang didakwa atau menunggu kes mahkamah, akan digantung jawatannya dalam parti, seperti yang dilakukan sebelumnya.

Menurut Tengku Adnan, yang juga ahli parlimen Putrajaya, tindakan serupa telah diambil terhadap ahli Umno yang lain pada 2009, dan walaupun mereka kemudian didapati tidak bersalah, kedudukan mereka tidak dikembalikan.

Menurut Sinar Harian lagi, Khair, yang juga ADUN Sungai Panjang, menerima surat dari ibu pejabat Umno berhubung penggantungannya itu pada 8 Disember - dua hari selepas dia dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan rasuah berhubung penjualan tanah yang menjadi tapak rumah mewahnya.

khair toyo mansion 060709 08Sambil menyifatkan keputusan parti itu sebagai "prosedur biasa", Khair berkata, beliau akan mematuhi keputusan penggantungan tersebut, tetapi akan terus memberi bekerjasama, sumbangan dan menawarkan perkhidmatan untuk bahagiannya yang kini dipangku oleh timbalannya, Datuk Ramli Norani.

Katanya, penduduk Sungai Panjang tidak perlu bimbang kerana beliau akan memenuhi tanggungjawabnya sebagai wakil rakyat kawasan tersebut.

Yang penting, katanya, usaha BN untuk merampas semula kerusi DUN Sekincan diteruskan.

khair toyo interview 150910Khair yakin Ramli akan dapat meneruskan aktiviti yang telah dirancang sebelum ini.

Ramli, 63, sebelum ini merupakan bendahari Umno bahagian Sungai Besar (2004-2009) sebelum menang jawatan timbalan ketua bahagian.

Semalam, sekumpulan kira-kira 200 pemuda dilapor menubuhkan Gagasan Bertindak DUN Sungai Panjang (GABUS) sebagai tanda sokongan kepada Khair dan Umno bahagian Sungai Panjang.

Diketua oleh Mohd Safar Abdullah, mereka menyerahkan memorandum sokongan kepada Khair yang dikatakan telah ditandatangani oleh lebih 300 "pengundi musa".

Safar berkata, GABUS mengutuk tindakan pihak-pihak tertentu untuk mengganggu keharmonian dan perpaduan umno bahagian Sungai Panjang.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malysiakini.com/news/150682>